

## Penyebaran Variasi Leksikal ‘Kapal’ dalam Dialek Melayu Siam di Satun, Thailand: Analisis Geolinguistik

The Distribution of variants lexical ‘kapal’ of Malay Siamese dialect in Satun, Thailand:  
Geolinguistic Analysis

ADRIANA SANTA ANAK TINGGOM, NOR HASHIMAH JALALUDDIN & JUNAINI KASDAN

### ABSTRAK

*Setiap dialek mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Demikian juga dengan dialek Melayu Siam yang dituturkan di Satun, Thailand. Oleh yang demikian, kajian ini berfokus kepada penyebaran leksikal ‘kapal’ dalam dialek Melayu Siam di Satun daripada aspek geolinguistik. Kajian ini juga turut melihat faktor-faktor yang mempengaruhi penyebaran leksikal ini. Kajian ini dilakukan di Satun, Thailand yang melibatkan 5 buah mukim iaitu mukim Cha Lung, mukim Chebilang, mukim Bankhuan, mukim Tan Yong Poo dan juga mukim Tammalang. Kajian lapangan ini melibatkan 240 informan yang terdiri daripada golongan muda, golongan dewasa dan golongan tua. Data yang diperoleh dimasukkan ke dalam perisian ArcGis untuk dianalisis dan menghasilkan peta choropleth. Daripada hasil kajian didapati bahawa terdapat 6 variasi leksikal ‘kapal’ yang dijumpai dalam data yang dianalisis. Variasi leksikal ‘kapal’ yang dihasilkan melalui kajian ini adalah [kapa],[bot],[perahu],[pahu] dan [kapa]. Selain itu, kewujudan variasi leksikal ‘kapal’ ini adalah disebabkan faktor non-linguistik seperti persempadanan dan faktor sejarah telah menyumbang kepada kepelbagaiannya varian leksikal ‘kapal’. Pengaplikasian GIS telah membantu menghasilkan peta taburan choropleth bagi leksikal ‘kapal’ di Satun.*

*Kata kunci:* Dialek; Satun; dialek Melayu Siam; geolinguistik; GIS

### ABSTRACT

*Each dialect has its own characteristics. Similarly, the Malay Siamese dialect spoken in Satun, Thailand. Therefore, this study focuses on the distribution of variants lexical ‘kapal’ in Malay Siamese dialect in geolinguistic analysis. This study also focuses on the factors that influence the distribution of the variant lexical in Satun. This study was conducted in Satun, Thailand which involved 5 villages namely Cha Lung, Chebilang, Bankhuan, Tan Yong Poo and Tammalang. Data were gathered through fieldwork which involved 240 informants classified as young, adult and old. The collected data were transcribed and keyed into ArcGis software for producing choropleth map. The findings show that there are 6 variants of lexical ‘kapal’ found in the collected data. The variants are [kapa],[bot],[perahu],[pahu] and [kapa]. Besides, other non-linguistic factors such as history and bordering factors are identified to contributed to the variations of the lexical ‘kapal’. The GIS application has clearly and scientifically helped in producing the distribution mapping for the lexical ‘kapal’ in Satun.*

*Keywords:* Dialect; Siamese Malay dialect; Satun; geolinguistic; GIS

### PENDAHULUAN

Bidang geolinguistik merupakan salah satu bidang yang semakin mendapat perhatian oleh golongan penyelidik dalam dunia bahasa pada masa kini. Geolinguistik adalah bidang kajian bahasa yang berkaitan dengan geografi (Chambers & Trudgill

1980) di mana melibatkan pengamatan terhadap perlakuan bahasa yang mengalami penyebaran keluar daripada kawasan asalnya (Pei 1965). Hal ini bermaksud geolinguistik melibatkan peta bahasa yang menggambarkan pola penggunaan bahasa di sesuatu kawasan atau kesan sesuatu proses yang membawa kepada perubahan terhadap bahasa tersebut (Hoch


& Hayes 2010). Dalam konteks bahasa Melayu misalnya, peta bahasanya merangkumi kawasan luas termasuk Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura hingga ke Thailand, Filipina, Taiwan, Australia, Arab Saudi, Afrika, Belanda dan England (Asmah Haji Omar 2008). Kawasan ini mempunyai penggunaan bahasa Melayu mengikut status serta kepentingan sosiobudaya dan ekonomi bahasa tersebut.

Demikian juga halnya di Satun, Thailand. Satun merupakan satu wilayah yang terletak di Selatan Thailand di mana terletak jauh daripada ibu kota Bangkok iaitu 973 kilometer (Kamaruddin Esayah 1999). Wilayah Satun bersempadan dengan negeri Perlis di sebelah selatan. Manakala di sebelah barat Satun pula bersempadan dengan pulau Langkawi di Lautan Andaman. Sebelah utara bersempadan dengan wilayah Songkhla, wilayah Trang dan wilayah Phattalung. Kawasan pentadbiran wilayah Satun dibahagikan kepada 6 daerah dan 1 sub-daerah iaitu daerah Mueang Satun, daerah Tha Phae, daerah Khuan Don, daerah Langu, daerah Thungwa, daerah Khuan Kalong dan subdaerah Manang. Wilayah Satun mempunyai 36 mukim dan 256 kampung (Jabatan Pentadbiran Wilayah Satun 2015).

Satun merupakan tempat yang unik kerana masyarakat yang mendiami wilayah Satun merupakan masyarakat Melayu Siam yang menuturkan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan harian mereka. Masyarakat Melayu Siam di Thailand merupakan masyarakat peribumi Melayu yang beragama Islam yang tinggal di lima wilayah selatan Thailand iaitu wilayah Patani, Yala, Narathiwat, Songkhla dan Satun (Luangthoangkham 2008; Phaithoon 2005). Walaupun masyarakat ini menuturkan bahasa Melayu sebagai bahasa harian mereka, namun demikian, bahasa Melayu yang dituturkan adalah berbeza mengikut wilayah masing-masing. Dialek Melayu Siam yang dituturkan di wilayah Satun adalah dialek Melayu Satun yang aspek fonologinya mirip dengan dialek Kedah (Seni Madman 1990; Worawit 1999). Dialek Melayu Siam ini berlainan dengan dialek Melayu Siam yang dituturkan di wilayah Patani di mana dialek Melayu tersebut dituturkan di wilayah Patani, Yala dan Narathiwat, yang mana aspek fonologinya hampir sama dengan dialek Kelantan di Malaysia.

Negeri Kedah di Malaysia dengan wilayah Satun mempunyai kaitan antara satu sama lain. Perkaitan antara kedua-dua tempat ini adalah kerana faktor sejarahnya. Sebelum tahun 1813, Satun adalah salah satu daerah di negeri Kedah Tua (Saiburi) yang dikenali sebagai Setul Mambang Segara atau Mukim Setul dalam bahasa Melayu (Hayati Lateh 2016). Selepas tahun 1813, Satun diperintah oleh kerajaan Siam pada zaman pemerintahan raja Rama III dan diletak di bawah pentadbiran gabenor Nakhon Sri Thammarat, pada ketika itu Satun adalah sebuah bandar kecil sahaja. Kemudian, pada zaman pemerintahan raja Rama V, Satun mempunyai pemerintahan baru dan di naik taraf menjadi sebuah negeri (Jabatan Pentadbiran wilayah Satun 2015). Pada tahun 1897, Satun dikembalikan semula kepada pemerintahan negeri Kedah. Kemudian pada tahun 1909 dalam perjanjian Anglo-Siamese, Kedah telah jatuh di bawah jajahan British manakala Satun diberi kepada kerajaan Siam kerana majoriti populasiannya adalah Siam. Kini Satun adalah sebuah wilayah di selatan Thailand yang penduduknya terdiri daripada orang Islam iaitu 80% daripada suku Melayu Kerajaan Tua Kedah dan hanya 30% sahaja yang boleh bercakap dalam dialek Melayu Satun (DMS) (Norizah & Nor Hisham 2010). Maka, tidak hairanlah terdapatnya masyarakat Melayu Siam di Satun menuturkan dialek Melayu yang hampir sama dengan dialek Melayu Kedah.

Disebabkan keunikan dialek Melayu Siam di Satun ini, pengkaji menganalisis dialek Melayu Siam dengan melihat kepada penyebaran leksikal ‘kapal’ yang dituturkan di Satun dengan menggunakan pendekatan geolinguistik. Dengan menggunakan geolinguistik, kewujudan varian yang berbeza dapat dikenal pasti dan dapat dianalisis berpandukan peta GIS yang dijana dengan menggunakan aplikasi GIS yang semakin berkembang penggunaannya dalam bidang bahasa. Dengan merujuk kepada peta GIS yang dijana, pengkaji dapat menerangkan dengan jelas bagaimana varian yang wujud itu disebabkan oleh faktor geografi dan pemaparan variasi leksikal ‘kapal’ diteliti bagi setiap kampung yang mendasari setiap jumlah varian yang digunakan oleh masyarakat Melayu Siam di Satun.



RAJAH 1. Kedudukan Satun yang bersempadan dengan bahagian utara Pulau Langkawi  
Sumber: Google Earth

### SASARAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada beberapa objektif atau sasaran kajian. Pertama, kajian ini dilakukan untuk melihat taburan data varian leksikal ‘kapal’ yang terdapat di Satun, Thailand berpandukan peta *choropleth*. Kedua, kajian ini dilakukan untuk melihat ciri-ciri bunyi setiap varian leksikal bagi ‘kapal’ dengan menganalisis daripada aspek fonologi dan akhir sekali, kajian ini dilakukan untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi penyebaran varian leksikal ‘kapal’ dengan menggunakan pendekatan geolinguistik dan berpandukan penjanaan peta *choropleth*.

### SOROTAN KAJIAN

Terdapat pelbagai kajian yang telah dilakukan dalam bidang geolinguistik ini. Antara kajian yang dilakukan dalam bidang ini adalah kajian yang dilakukan oleh Fukushima (2019) yang bertajuk *Interplay of phonological, morphological, and lexical variation: adjectives in Japanese Dialects*. Kajian ini berbicara tentang penyebaran dialek Jepun daripada aspek kata adjektif. Kajian beliau

fokus kepada fonologi, morfologi dan penyebaran leksikal khusus kepada kata adjektif dialek Jepun iaitu dialek Niigata. Kajian ini juga meneliti perubahan daripada aspek fonologi, morfologi dan leksikal bagi dialek Niigata. Penyebaran kata adjektif dialek Niigata ini dilakukan dengan melihat kepada perbezaan antara pembentukan dialek mahupun standard bahasa Niigata itu sendiri. Kajian yang dilakukan oleh Fukushima telah mengaplikasi GIS bagi menghasilkan peta dialek yang lebih jitu dan saintifik.

Terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan dalam meneliti dialek Melayu Siam. Salah satu kajian yang mengkaji dialek Melayu Siam adalah kajian yang dilakukan oleh Kamaruddin (1999) yang mana kajian beliau mengetengahkan perbandingan fonologi dialek Melayu Satun dengan dialek Melayu Perlis. Beliau telah mengkaji perbandingan aspek fonologi dialek Melayu Satun dengan dialek Melayu Perlis dengan menggunakan teori Fonologi Struktural yang diperkenalkan oleh Pike (1968). Menerusi kajian beliau, didapati bahawa kedua-dua dialek ini mempunyai ciri-ciri fonologi suprasegmental dan struktur suku kata yang hampir sama di samping ciri-ciri fonologi segmental yang agak berbeza, khususnya pada segmen-semen

bunyi-bunyi vokal kompleks di akhir kata dan bunyi konsonan pada kata pinjaman.

Selain itu, kajian seperti Hayati Lateh (2016) yang mengkaji bahasa Melayu di Satun juga turut menunjukkan bahawa ada tiga variasi dialek Melayu Satun iaitu variasi Che Bilang, variasi Bam Khuan dan variasi Tammalang. Kajian beliau membuktikan bahawa dialek Melayu yang dituturkan di Ban Khuan dan Tammalang menampakkan unsur-unsur pengaruh Bahasa Thai iaitu sebutan perkataan bahasa Melayu yang mempunyai nada Thai. Di samping itu juga, kajian yang dilakukan oleh Gandour (1979) turut membicarakan mengenai kata pinjaman di Thai. Namun demikian, kajian yang dilakukan adalah melihat kata pinjaman bahasa Inggeris diberikan nada dalam bahasa Thai. Kajian Gandour juga melihat bagaimana peminjaman kata bahasa Inggeris dalam Thai dan bagaimana pelbagai nada yang hadir adalah bergantung kepada suku kata akhir. Kajian beliau juga memberi kesimpulan bahawa sekiranya kata monosilabik tertutup maka semua nada tinggi akan digunakan. Sekiranya perkataan tersebut adalah dua silabik, didapati bahawa nada menaik di suku kata awal serta nada naik turun di suku kata akhir.

Kajian Nor Hashimah Jalaluddin (2019) juga turut mengkaji dialek Melayu Siam. Kajian yang dilakukan merupakan kajian bandingan di mana melibatkan dua lokasi iaitu di Satun Thailand dan juga di Pulau Langkawi, Kedah. Kajian beliau dilakukan untuk melihat kepada persamaan serta perbezaan antara dialek Melayu di Satun dan Langkawi. Kajian beliau membincangkan tiga aspek mengenai dialek Melayu Satun Langkawi (DSL) dan dialek Melayu Satun Thai (DST), iaitu ciri-ciri bunyi DSL dan DST, taburan dialek DSL dan DST serta perbandingan taburan dialek bagi DSL dan DST dengan pengaruh nahu Thai. Kajian beliau menunjukkan bahawa terdapat 4 persamaan yang diperoleh iaitu daripada aspek pengguguran konsonan, bunyi getaran /r/ menjadi getaran /β/, perubahan nasal di akhir kata serta pembundaran vokal bunyi /ɔ/. Manakala daripada aspek perbezaan pula, dialek Melayu Langkawi dan Satun

dipengaruhi oleh nahu Thai, pemendekan suku kata, dipengaruhi oleh nada(*tone*), leksikal yang mempunyai ciri hembusan, dan juga mengalami vokal panjang. Di samping itu, kajian beliau juga turut memaparkan taburan dialek Satun Langkawi dan juga dielak Satun Thai dengan menggunakan perisian GIS.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian lapangan. Hal ini bermaksud data yang dikumpulkan merupakan data primer. Sebelum pergi ke lapangan, borang soal selidik perlu disediakan bagi membantu sesi temu ramah bersama dengan responden. Sebanyak 40 leksikal telah dipilih mengikut golongan kata dalam bahasa Melayu untuk dimasukkan ke dalam borang soal selidik tersebut. Namun demikian leksikal ‘kapal’ telah diambil sebagai data kajian. Hal ini kerana leksikal ‘kapal’ merupakan satu leksikal atau perkataan yang selalu dituturkan oleh masyarakat Melayu Siam di Satun bahkan ada dalam kalangan masyarakat Melayu Siam bekerja sebagai nelayan dan pekerjaan ini merupakan pekerjaan yang dilakukan untuk mencari sumber pendapatan. Selain itu juga, leksikal ini dipilih kerana leksikal ini merupakan salah satu leksikal yang memiliki jumlah varian yang tinggi antara leksikal yang lain.

Kemudian, para responden akan disoal berpandukan leksikal yang telah disediakan itu. Setiap ujaran yang dituturkan oleh responden dirakamkan sebagai data mentah. Alat rakaman dan juga telefon bimbit digunakan sebagai alat untuk merakam data. Setelah mendapat data mentah daripada rakaman yang telah dilakukan, maka semua data tersebut dibersihkan sebelum dianalisis. Setiap bentuk leksikal ditranskripkan dan dimasukkan ke dalam jadual keseluruhan varian leksikal. Kemudian, data akan dimasukkan ke dalam jadual atribut perisian GIS dan diproses untuk membentuk peta taburan choropleth. Melalui peta variasi leksikal tersebut, pengkaji menganalisis setiap varian leksikal yang wujud.

The screenshot shows a Microsoft Excel spreadsheet titled 'Book1 - Excel'. The table has columns labeled A through Q. Row 1 contains headers: 'BIL' (row 2), 'MUKIM / KAMPUNG' (row 3), 'LEKSIKAL' (row 3), 'VARIAN LEKSIKAL' (row 3), 'L1' (row 4), 'L2' (row 4), 'L3' (row 4), 'L4' (row 4), 'L5' (row 4), 'L6' (row 4), 'L7' (row 4), and 'L8' (row 4). Rows 2 through 16 list Mukims and their corresponding language variants. Row 17 is blank.

BIL	MUKIM / KAMPUNG	LEKSIKAL	VARIAN LEKSIKAL	L1	L2	L3	L4	L5	L6	L7	L8
1	<b>Mukim Che Bilang</b>			kopaj	pohu	kapecj	pawu	bout	koja	pawahu	
4	Kg Che Bilang	KAPAL	4	kopaj	pohu	kapecj	pawu				
5	kg Bohor Pasir		5	kopaj	pohu	kapecj		boit	koja		
6	Kg Chalung		5	kopaj							
7	Tan Yong Poo		5	kopaj							
8	<b>Mukim Ban Khuan</b>										
9	Khok Sai		5	kopaj	pohu	kapecj		boit	koja		
10	Tompok 3		5	kopaj	pohu	kapecj		boit	koja		
11	<b>Mukim Tammalang</b>										
12	Kg.Tammalang		3	kopaj			pawu			pawahu	
13	Kg. Tammalang Hilir		2	kopaj			pawu				
14	Kg. Tammalang Hulu		2	kopaj			pawu				
15	<b>Mukim Chalung</b>										
16	Kg. Kubang Chamang		2	kopaj				bot			
17											
18											
19											
20											
21											


RAJAH 2. Senarai Varian [kapal] dalam Microsoft Office Excel

Bagi kajian ini, lokasi kajian adalah di wilayah Satun, Thailand. Kajian ini dilakukan di lima kawasan iaitu Mukim Cha Lung, Mukim Che Bilang, Mukim Tan Yong Poo, Mukim Tammalang dan juga Mukim Ban Khuan. Lokasi kajian ini dipilih kerana setiap kawasan ini diduduki oleh penduduk masyarakat Siam yang masih menuturkan bahasa Melayu. Che Bilang adalah pesisir pantai yang bersempadan dengan Langkawi yang terpisah oleh Laut Andaman. Tammalang pula berjiran dengan Kuala Perlis di sebelah selatannya sementara Ban Khuan adalah kawasan yang lebih ke pedalaman dan telah banyak terpengaruh dengan bahasa Thai. Responden di Satun melibatkan tiga kategori iaitu kategori remaja, kategori dewasa dan juga kategori warga tua.

Jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 240 orang informan daripada 11 buah kampung. Kampung ini dipilih mengikut titik kampung dalam peta yang berpandukan GPS (*Global Positioning System*) dan dikukuhkan lagi dengan key-informan seperti ketua-ketua kampung dan tok penghulu di setiap mukim serta kampung bagi memastikan pengkaji mendapatkan responden yang sahih dan benar. Semua responden akan mengisi soal selidik dan menyebut kosa kata yang

telah disenaraikan. Bagi mendapatkan sebutan yang lebih tepat, sesi temu ramah juga dijalankan untuk mendapatkan data yang menarik dan tepat.

Dalam kajian ini, pendekatan Sistem Maklumat Geografi (GIS) telah digunakan untuk menggabungkan data linguistik bersama-sama dengan Alat Analisis Spatial. Teknik-teknik berasaskan penggunaan alat GIS adalah untuk mengintegrasikan pendekatan konvensional bahasa dan membantu kita untuk menghasilkan peta bahasa yang baik dan jelas. Kelebihan menggunakan GIS yang bukan sahaja maklumat topografi seperti trafik, ketinggian dan kampung-kampung, tetapi juga data statistik seperti demografi dan taburan hujan yang boleh dilihat pada peta bersama dengan data pengedaran dialektologi dan dengan mengulangi sekerap dan membina banyak data boleh disahkan bersama-sama (Onishi 2010). Dalam kajian ini, ia dapat menunjukkan pola penyebaran leksikal [kapal] di setiap mukim yang terdapat di Satun, Thailand. Melalui peta yang dijana dengan menggunakan GIS, kita dapat melihat kewujudan varian itu disebabkan oleh faktor bentuk muka bumi seperti gunung, banjaran, sungai dan lain-lain lagi untuk sesuatu tempat yang terdapat di Satun.



PETA 1. Kawasan Kajian di Satun  
Sumber: Peta Janaan Perisian GIS Arcmap 10.5

#### ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan data yang diperoleh di lapangan, terdapat pelbagai varian bunyi atau sebutan untuk leksikal [kapal]. Jadual di bawah memaparkan setiap varian bunyi dan leksikal yang ditemui dalam

penutur dialek Melayu Siam di 5 buah mukim yang memiliki 11 buah kampung di wilayah Satun, Thailand. Pengkaji akan mengelompokkan mengikut mukim berserta dengan peratusannya. Bagi paparan yang jelas, perhatikan jadual yang telah disediakan berikut:

#### Data Varian Bagi leksikal ‘kapal’

JADUAL 1. Peratusan penggunaan varian bagi leksikal ‘kapal’

Bil	Mukim	variasi	Variasi leksikal ‘kapal’					
			L1	L2	L3	L4	L5	L6
			kapaj	pəhu	kape	boit	kapa	pərahuh
1.	Che Bilang	4	/	/	/			/
2.	Cha Lung	2	/			/		
3.	Ban Khuan	5	/	/	/	/	/	
4.	Tammalang	6	/	/	/	/	/	/
5.	Tan Yong Poo	4	/	/	/			/
Peratusan			100%	80%	80%	30%	20%	20%

Jadual 1 merupakan paparan data bagi peratusan penggunaan varian leksikal ‘kapal’ yang dituturkan oleh masyarakat Melayu Siam di Satun. Menerusi jadual di atas, terdapat enam (6) varian leksikal yang telah digunakan di Satun. Varian leksikal yang


dimaksudkan adalah varian [kapaj], [pəhu], [kape], [pərahuh], [boit], dan [kapa]. Mukim Tammalang telah mencatat jumlah varian yang tertinggi iaitu sebanyak enam (6) varian dan diikuti dengan mukim Ban Khuan yang mencatat jumlah varian

sebanyak lima (5) varian dan kemudian mukim Che Bilang dan Tan Yong Poo yang mencatat jumlah varian sebanyak empat (4) varian. Mukim Cha Lung mencatat jumlah varian yang terendah antara mukim-mukim yang lain iaitu sebanyak dua (2) varian.

Menerusi jadual 1 juga, didapati varian [kapqj] telah mencatat jumlah peratusan penggunaan yang tertinggi iaitu sebanyak 100 peratus. Varian ini telah dituturkan di mukim Tammalang, mukim Ban Khuan, mukim Cha Lung, mukim Che Bilang dan mukim Tan Yong Poo. Seterusnya, varian [pəhu] dan [kape] pula telah mencatat jumlah peratusan yang sama iaitu sebanyak 80 peratus. Penggunaan varian ini boleh dijumpai di mukim Tammalang, mukim Ban Khuan, mukim Che Bilang dan mukim Tan Yong Poo. Varian [pəhu] dan [kape] tidak dijumpai di mukim Chalung. Bagi varian [boit] pula, jumlah

peratusan penggunaan untuk varian ini adalah sebanyak 30 peratus dan varian ini boleh dijumpai di mukim Cha Lung, mukim Ban Khuan dan mukim Tammalang. Bagi varian [kqpa] dan [pəkəhu] pula, kedua-dua varian ini mencatat jumlah peratusan penggunaan yang sama iaitu sebanyak 20 peratus.

Selain mengelompokkan data di dalam jadual, data yang dikelompokkan dalam jadual ini akan dipindahkan ke dalam jadual atribut yang terdapat di dalam perisian AcGIS untuk proses pengeluaran peta *choropleth*. Tujuan peta *choropleth* ini digunakan dalam kajian ini adalah untuk melihat taburan setiap varian yang dituturkan di lima buah mukim di Satun. Paparan peta *choropleth* tersebut melibatkan penggunaan jumlah variasi leksikal yang digunakan oleh penutur natif dialek di kawasan-kawasan yang dikaji ini. Berikut merupakan paparan peta *choropleth* bagi varian leksikal ‘kapal’:



PETA 2. Peta taburan varian leksikal [kapal] di Satun, Thailand  
Sumber: Peta yang dijana dengan menggunakan perisian GIS, Arcmap10.5

Peta 4 memaparkan taburan varian leksikal ‘kapal’ bagi setiap mukim di wilayah Satun, Thailand. Berdasarkan dapatan kajian, kawasan yang paling rencam adalah di kawasan mukim Tammalang. Manakala kawasan yang paling sedikit variasinya adalah di mukim Cha Lung. Berdasarkan peta 4, mukim Tammalang memiliki varian yang paling rencam iaitu sebanyak enam (6) varian di mana diwakili dengan simbol iaitu merangkumi varian leksikal [kapqj], [pøhu], [kpøe], [pøkøhu], [boit], dan [kpqa]. Bagi mukim Ban Khuan pula, jumlah varian yang digunakan adalah sebanyak lima varian dan diwakili dengan simbol . Bagi mukim Che Bilang dan mukim Tan Yong Poo, kedua-dua mukim ini mempunyai corak yang sama kerana memiliki jenis varian yang sama iaitu diwakili dengan simbol . Varian di mukim Cha Lung pula diwakili dengan simbol .

Umumnya, varian [kpqj] merupakan dialek asli untuk dialek Melayu Kedah. Varian ini didapati di setiap mukim yang berada di Satun Thailand. Leksikal ini ditandai dengan simbol . Kewujudan dialek Melayu Kedah di wilayah Satun adalah kerana faktor sejarah. Suatu ketika dahulu, dialek Melayu Siam di Satun dan dialek Melayu Kedah adalah serumpun. Menurut Nor Hashimah (2019), wilayah Satun pernah di bawah jajahan Kedah sebelum Inggeris datang memisahkan kedua wilayah ini sebagai wilayah terasing. Oleh kerana itu, dialek Melayu Kedah turut digunakan di wilayah Satun. Daripada aspek bentuk muka bumi pula, wilayah Satun sebenarnya bersempadan dengan Pulau Langkawi, Kedah yang mana dipisahkan oleh Laut Andaman. Kemudahan feri dan juga pas bulanan yang murah telah memudahkan masyarakat Melayu Siam di Satun berulang-alik dari Satun ke Langkawi.

Varian seterusnya ialah varian [pøhu] yang diwakili dengan simbol . Varian [pøhu] merupakan varian bagi leksikal ‘perahu’. Namun demikian, masyarakat Melayu Siam di Satun juga turut menggunakan varian [pøkøhu] untuk merujuk kepada ‘kapal’. Merujuk kepada peta 2, varian [pøkøhu] didapati bergandingan dengan varian [pøkøhu] yang diwakili dengan simbol . Sebutan varian [pøkøhu] merupakan sebutan yang digunakan dalam percakapan harian di Langkawi dan digunakan oleh masyarakat Melayu Kedah. Oleh kerana Satun bersempadan dengan Langkawi, maka varian ini juga turut dijumpai di Satun. Penyebaran kedua-dua varian ini berlaku di beberapa tempat iaitu di mukim Che Bilang, Tan Yong Poo, mukim Tammalang dan mukim Ban Khuan. Mukim Che

Bilang dan mukim Tan Yong Poo merupakan dua mukim yang berdekatan dengan Langkawi. Oleh itu, kedua-dua varian ini boleh dijumpai di kedua-dua mukim tersebut. Bagi mukim Tammalang pula, mukim ini merupakan kawasan pelabuhan. Kemudahan feri dari Tammalang ke Kuah iaitu jeti Kuah di Langkawi telah menjadi salah satu faktor penyebaran varian ini berlaku. Daripada aspek bentuk muka bumi seperti kehadiran sungai juga telah menyebabkan varian ini turut tersebar ke mukim Ban Khuan. Namun demikian, penyebaran tersebut terhalang kerana terdapat hutan tebal dan bukit bukau yang menghalang penyebaran varian ini tersebar ke mukim Cha Lung. Oleh itu tidak hairanlah kedua-dua varian ini tidak dijumpai di mukim Cha Lung.

Varian seterusnya adalah varian [kpqa] yang diwakili dengan simbol . Varian ini merupakan varian dialek Melayu Patani. Dialek Melayu Patani dapat tersebar di mukim Tammalang kerana faktor sempadan. Hal ini kerana mukim Tammalang bersempadan dengan negeri Perlis. Terdapat beberapa kawasan di negeri Perlis menerima pengaruh dialek Melayu Patani. Oleh itu tidak hairanlah dialek Melayu Patani juga turut dijumpai di mukim Tammalang. Di samping itu, faktor perkahwinan campur juga turut menjadi salah satu faktor bagaimana penyebaran dialek Melayu Patani boleh berlaku di Satun. Hal ini ada antara masyarakat Melayu Siam di Satun berkahwin dengan masyarakat Melayu Patani. Penyebaran varian [kpqa] tidak terhenti di situ sahaja, malah varian ini juga turut tersebar ke mukim Ban Khuan. Faktor bentuk muka bumi seperti sungai telah membolehkan penyebaran varian ini berlaku ke mukim Ban Khuan. Namun demikian, penyebaran varian ini terhenti di mukim Ban Khuan sahaja. Varian ini tidak tersebar ke mukim Cha Lung kerana bentuk muka bumi seperti hutan dan bukit bukau telah menjadi penghalang untuk penyebaran varian ini berlaku. Tambahan pula, mukim Cha Lung terletak di kawasan pedalaman dan kebanyakan masyarakat Melayu Siam di sana banyak dipengaruhi oleh masyarakat Thai.

Selain itu, varian [kpøe] yang diwakili simbol juga turut dituturkan oleh masyarakat Melayu Siam di Satun. Varian [kpøe] pula merupakan varian bagi dialek Melayu Patani. Namun demikian, penyebaran varian [kpøe] didapati terdapat di mukim Che Bilang dan mukim Tan Yong Poo. Hal ini boleh berlaku kerana kedua-dua mukim ini bersempadan dengan Langkawi. Pulau Langkawi juga turut dipengaruhi oleh dialek Melayu Patani. Hal ini dibuktikan dengan kajian yang telah

dilakukan oleh Nor Hashimah (2019) dan Maizatul Hafizah (2017) yang telah menunjukkan mukim Kedawang turut menerima pengaruh dialek Melayu Patani. Selain itu, mukim Tammalang dan mukim Ban Khuan juga turut menuturkan varian [kape] dalam pertuturan harian masyarakat Melayu Siam. Mukim Tammalang sebagai kawasan perlabuhan dan persinggahan feri telah menjadi faktor penyebaran varian ini berlaku.

Akhir sekali, varian [boit] yang diwakili dengan simbol  juga turut digunakan oleh masyarakat Siam di Satun. Pada asalnya, varian [boit] merupakan varian yang merujuk kepada ‘bot’ dalam bahasa Melayu. Namun varian ini dituturkan sebagai [boit] dalam dialek Melayu Siam kerana dipengaruhi oleh nahu bahasa Thai. Salah satu ciri nahu bahasa Thai adalah bahasa Thai merupakan bahasa yang bernada. Menurut Gandeur dalam Nor Hashimah (2019), bahasa Thai memiliki lima nada. Nada-nada tersebut ialah nada tengah (*mid falling*), nada rendah (*low falling*), nada menurun (*high falling*), nada tinggi (*high raising*) dan nada menaik (*low raising*). Bagi varian [boit] pula, varian ini mempunyai ciri nada rendah (*low falling*). Menerusi

peta 2, varian [boit] dituturkan di mukim Cha Lung, mukim Ban Khuan dan mukim Tammalang. Ketiga-tiga mukim ini sememangnya menerima pengaruh Thai dalam dialek Melayu Siam yang dituturkan. Hal ini kerana ketiga-tiga mukim ini terletak lebih jauh daripada pengaruh dialek Melayu Langkawi terutamanya mukim Cha Lung dan mukim Ban Khuan. Bagi mukim Che Bilang dan Tan Yong Poo pula, kedua-dua mukim ini masih mengekalkan dialek Melayu Kedah iaitu dialek Melayu yang dituturkan di Langkawi.

## ANALISIS FONOLOGI

Dalam bahagian ini, pengkaji membincangkan secara umum mengenai kepelbagaiannya varian bunyi leksikal yang wujud dalam dialek Melayu Siam di Satun Thailand dengan meneliti perilaku perubahan fonologi bagi bunyi /l/ di akhir kata dalam leksikal ‘kapal’. Berdasarkan pemaparan data di atas, didapati terdapat tiga varian fonologi bagi leksikal ‘kapal’ iaitu seperti yang dipaparkan di jadual berikut:

JADUAL 2. Kepelbagaiannya varian fonologi

Input Data	Output Data
/kapal/	1. [kapaj] 2. [kape] 3. [kapa]

### VARIASI BUNYI ‘KAPAL’

Leksikal ‘kapal’ diteliti bagi membincangkan perilaku fonem /l/ di akhir kata dalam dialek Melayu Siam di Satun, Thailand. Bagi leksikal ‘kapal’, ditemui sebanyak tiga (3) variasi bunyi dalam kalangan penutur dialek Melayu Siam di Satun. Antara varian bunyi tersebut ialah [kapaj], [kape] dan [kapa].

#### 1. Varian [kapaj]

Dalam beberapa kajian dialek, didapati varian [kapaj] merupakan varian sebutan yang dipengaruhi oleh dialek Melayu Kedah (Raja Mukhtaruddin 1986; Zaharani 1991). Fonem /l/ dalam dialek Melayu Kedah disebut sebagai /l/ jika muncul atau hadir pada lingkungan awal perkataan bersuku kata terbuka dan tertutup tetapi fonem ini tidak wujud sebagai /l/ di akhir perkataan bersuku kata tertutup. Fonem /l/ di akhir kata dalam dialek Melayu Kedah

akan digugurkan sekiranya didahului oleh vokal /i/ tetapi muncul sebagai /ɔj/ atau /oj/ iaitu bunyi geluncuran jika vokal yang mendahului bunyi /l/ itu ialah /u/ atau /a/ (Ismail Dahaman et al. 1997). Menurut Zaharani (2006) menyatakan bahawa proses fonologi yang berlaku bagi situasi di atas sebagai rumus perubahan fitur yang mengubah fitur bunyi leteral /l/ menjadi bunyi geluncuran [j]. Proses fonologi ini berlaku pada leksikal ‘kapal’ bagi dialek Melayu Kedah. Untuk varian ini, pengkaji telah menemui penggunaannya di semua mukim di Satun, Thailand. Berikut merupakan rumus fonologi yang menerbitkan varian [kapaj] dan proses derivasi yang berlaku.

Rumus Penggeluncuran: 1 → j / \_\_\_\_ #

Input : /kapal/  
 Rumus penggeluncuran : kapaj  
 Output : [kapaj]

## 2. Varian [kape]

Bagi varian [kape] yang ditemui di mukim Che Bilang dan mukim Tan Yong Poo, jelas memperlihatkan bahawa varian ini merupakan sebutan atau bunyi asli dialek Melayu Patani. Suku kata tertutup yang berakhir dengan /al/ dalam bahasa Melayu baku akan berubah menjadi suku kata terbuka [ɛ] dalam dialek Melayu Patani (Ruslan Uthai 2011). Dengan kata lain, gabungan vokal /a/ dan konsonan /l/ di akhir kata akan dileburkan menjadi vokal [ɛ] dan peleburan segmen /al/ menjadi vokal [ɛ]. Daripada sudut fonologi, rumus peleburan segmen ini dapat dinyatakan seperti di bawah.

$$\boxed{\text{Rumus Peleburan: } \alpha l \longrightarrow \epsilon \#}$$

Input	: /kapal/
Rumus peleburan	: kape
Output	: [kape]

## 3. Varian [kapa]

Varian [kapa] pula merupakan varian yang mewakili dialek Melayu Patani (Ruslan Uthai 2011). Daripada segi fonologi, varian ini mengalami proses pengguguran yang menggugurkan bunyi likuida /l/ di akhir kata. Berikut merupakan rumus fonologi dan proses derivasi yang berlaku bagi varian ini.

$$\boxed{\text{Rumus Peleburan: } \alpha l \longrightarrow \epsilon \#}$$

Input	: /kapal/
Rumus peleburan	: kpa
Output	: [kapa]

## KESIMPULAN

Penyebaran varian bagi leksikal ‘kapal’ dalam kalangan masyarakat Melayu Siam di Satun telah dibuktikan secara jelas dalam kajian ini. Berdasarkan dapatan yang diperoleh daripada kerja lapangan, dapat disimpulkan bahawa taburan pelbagai varian dialek Melayu Siam di Satun dapat dikenal pasti berdasarkan penanda fonologi yang mewakili sesuatu dialek. Di samping itu, pengaruh nahu Thai juga telah menyebabkan dialek Melayu Siam menjadi semakin rencam. Hal ini kerana bahasa Thai merupakan bahasa yang bernada. Kewujudan penggunaan varian [boɪt] telah membuktikan bahawa dialek Melayu Siam yang dituturkan di

Satun telah dipengaruhi oleh nahu bahasa Thai. Selain itu juga, kewujudan ruang geografi atau bentuk muka bumi seperti sempadan, sungai, bukit, hutan mahupun gunung turut menyumbang kepada penyebaran kepelbagaiannya varian leksikal untuk leksikal ‘kapal’. Disebabkan faktor persempadanan, maka hal ini telah memberi ruang kepada sesuatu varian itu tersebar ke kawasan lain. Misalnya varian [kqpqj] yang merupakan variasi dialek Melayu Kedah telah didapati di mukim Che Bilang disebabkan oleh faktor sempadan di antara Pulau Langkawi dan juga mukim Che Bilang.

Selain itu, dengan adanya aplikasi GIS dalam kajian ini, hal ini telah membuktikan bahawa teknologi amat berguna dalam membina dan menjana peta dialek. Dalam hal ini, penitikan kawasan kajian atau kampung dan bentuk muka bumi dibuat adalah berdasarkan peta topografi digital. Oleh itu, titik kampung dan bentuk muka bumi yang dihasilkan adalah betul-betul pada tempat dan sama koordinatnya. Oleh kerana itu, kesahihan titik kampung dan bentuk muka bumi adalah tidak perlu diragui kerana ianya bukannya bersifat intuisi pengkaji. Keadaan ini secara tidak langsung telah memberi nafas baru kepada teknik lorekan tangan bagi kawasan penyebaran varian bagi peta dialek yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini.

## RUJUKAN

- Asmah Haji. Omar. 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka  
 Chambers, J.K. & Trudgill, P. 1980. *Dialectology*. Cambridge: Cambridge University Press.  
 Fukushima, Chitsuko. 2019. Interplay of Phonological, Morphological, and Lexical Variation: Adjectives in Niigata dialects. Universityof Niigata Prefecture.  
 Gandour, J. 1997. Tonal Rules for English Loanwords in Thai. In T.L Tongkhum, V. Panupong, P. Kullavanijaya & M.R.K. Tingsabadh, (Ed.). *Studies in Tai and Mon Khmer Phonetics and Phonology in Honour of Eugne J.A.Henderson*. Bangkok: Chulalongkorn University Press.  
 Hayati Lateh, Nor Hashimah, Harishon Radzi & Ruslan Uthai. 2016. Bahasa Melayu di Satun, Thailand. *Proceeding The Tenth International Malaysian Studies Conference (MSC10): Globalization and Regionalism: Malaysian in ASEAN*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.  
 Hoch, H. & Hayes, J. J. 2010. Geolinguistics: the incorporation of Geographic Information Systems and Science. *Gamma Theta Upsilon in The Geographical Bulletin* 51(1): 23-36.  
 Ismail Dahaman, Abdul Jalil Anuar, Nor Hazizan Talib, Ab. Halim Salleh, Ismail Saleh, Saidun Shaari & Saad Taib. 1997. *Glosari Dialek Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
 Jabatan Pentadbiran Wilayah Satun. 2019. Dicapai 12 Disember 2019, daripada <http://satunpao.go.th/eng/home.php?en=his>

- Kamaruddin Esayah. 1999. Perbandingan fonologi dialek Melayu Satun dengan dialek Melayu Perlis. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia.
- Theraphan Luangthoangkhum. 2008. The Position of Non-Thai languages in Thailand. Dlm Hock Guan Lee, Leo Suryadinata (pnyt). *Language, Nation and Development in Southeast Asia*, pp. 181-191. Singapore: ISEAS Publishing. Dicapai pada 12 Disember 2019, daripada <http://www.google.combooks>
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2019. Dialek Melayu Satun di Langkawi dan Dialek Melayu Satun di Thai: Satu Kajian Perbandingan. *GEMA Online<sup>®</sup> Journal of Language Studies* 19(1).
- Norizah Ardi & Nor Hisham Osman. 2010. Pemeliharaan Bahasa Ibunda dalam Kalangan Masyarakat Islam di Satun, Thailand. Dicapai 29 November 2017, daripada <http://repository.um.edu.my/id/eprint/83097>
- Onishi, T. 2010. Analyzing Dialectological Distributions of Japanese. *Dialectologia, Special issue* I:123-135.
- Pei, M.A. 1965. *Invitation to Linguistics: A Basic Introduction to the Science of Language*. US: Doubleday and Company.
- Phaitoon M. Chaiyanara. 2005. Perubahan autosegmen dalam dialek Patani: Fenomena transmorfophonologisasi. Kertas kerja utama pada Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya kali kedua. Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia. 24-25 Januari.
- Raja Mukhtaruddin Raja Mohd. Dain. 1986. *Dialek Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.
- Ruslan Uthai. 2011. *Keistimewaan Dialek Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Seni Mardman. 1990. Persoalan Kesetiaan Bahasa di Kalangan Orang Melayu-Muslim di Selatan Thailand. *Dewan Bahasa* 43(12): 935-936.
- Worawit Baru. 1999. Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai. Tesis PhD, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Zaharani Ahmad. 1991. *The Phonology and Morphology of the Perak Dialek*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. 2006. Kepelbagaiannya dialek dalam bahasa Melayu: analisis Tatatingkat Kekangan. *Jurnal E-Bangi*, 1(1). [http://www.ukm.my/e-bangi/index.php?option=com\\_jresearch&view=publication&task=show&id=34&lang=en#](http://www.ukm.my/e-bangi/index.php?option=com_jresearch&view=publication&task=show&id=34&lang=en#) [06 Disember 2015].

Adriana Santa Anak Tinggom  
Institut Alam dan Tamadun Melayu  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600, Bangi  
Selangor D.E.  
E-mel: adrianasanta0126@gmail.com

Nor Hashimah Jalaluddin (Ph.D)  
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600, Bangi  
Selangor D.E.  
E-mel: shima@ukm.edu.my

Junaini Kasdan (Ph.D)  
Institut Alam dan Tamadun Melayu  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600, Bangi  
Selangor D.E.  
E-mel: junaini@ukm.edu.my

Diserahkan: 13 November 2020  
Diterima: 5 Januari 2021